

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M. PARAMESWARAN  
( BATU )**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membentuk sebuah institusi pendidikan seperti MARA di bawah MITRA kerana saya melihat belia benar-benar memerlukan institusi pendidikan seperti ini. Apabila institusi seperti MARA mampu diwujudkan, saya yakin dan pasti akan berakhir dengan ketegangan berkaitan kuota pendidikan dan perpaduan negara akan lebih terjamin.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PERPADUAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN SOSIAL)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) iaitu salah sebuah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan untuk lebih 200 program-program pembangunan sosioekonomi masyarakat India di Malaysia. Dalam hal ini, aspek pendidikan amat dititikberatkan oleh MITRA sebagai wadah untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat India di Malaysia secara kolektif.

## **NO SOALAN : 25**

Berkaitan itu, MITRA tidak mempunyai perancangan untuk membentuk sebuah institusi pendidikan seperti MARA di bawah MITRA buat masa ini. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat ini adalah amat dialu-alukan dan pihak MITRA akan mempertimbangkannya dalam perancangan masa depan setelah keberhasilannya dikaji dari pelbagai aspek dengan melibatkan input daripada pihak-pihak yang berkepentingan.

Dalam pada itu, MITRA sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam), IPTS (Institusi Pengajian Tinggi Swasta), ILKA (Institut Latihan Kemahiran Awam) dan ILKS (Institut Latihan Kemahiran Swasta) dan institusi-institusi akreditasi nasional untuk pelaksanaan kursus-kursus jangka pendek yang sedikit sebanyak akan memberi implikasi positif terhadap isu-isu mengenai kuota pendidikan di kalangan pelajar-pelajar India di Malaysia.

Selain itu, MITRA juga turut bekerjasama dengan institusi-institusi pendidikan ini dan Kementerian Sumber Manusia bagi melatih belia-belia India menerusi pusat latihan industri bertauliah serta mendapat pengiktirafan seperti Sijil Kemahiran Malaysia.

Sekian, terima kasih.